

SMU(A) TARBIAH MARDHIAH PANCHOR Dinaiktaraf sebagai MAAHAD



Kota Bharu: 13 Mac – SMU(A) Tarbiah Mardhiah Panchor dinaik taraf sebagai sebuah lagi Maahad Yayasan Islam Kelantan, menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 29 buah sekolah. Majlis pengisytiharan penuh warna warni itu telah disempurnakan oleh YB. Dato' Dr. Mohamed Fadzli b. Dato' Hj Hassan, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi Negeri Kelantan pada 13 Mac 2022.

Pengisytiharan sebagai “Maahad” menjadikan tanggungjawab pembangunan sekolah ini diletakkan sepenuhnya di bawah tanggungan Kerajaan Negeri, selain itu keperluan sumber manusia termasuk guru dan kakitangan sokongan akan disalurkan mengikut peruntukan dan peraturan sedia ada sebagaimana maahad-maahad kerajaan yang lain.

Sementara itu, YB. Dato' Exco dalam ucapannya menegaskan bahawa YIK sentiasa bergerak ke hadapan mendepani cabaran yang lebih kompleks pada masa akan datang. Inilah yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri dengan agenda melaksanakan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK). Menurut beliau, tanggungjawab kerajaan adalah menyediakan keperluan pendidikan, manakala pelajar adalah yang mewarisi keilmuan dengan mencerna keunggulan sahsiah dalam bermasyarakat dan bernegara. Sebagaimana ulama terdahulu berjaya melahirkan golongan cendikiawan pada hari ini, maka tugas institusi pendidikan kini adalah mencorak generasi yang akan datang. Pembinaan generasi ilmu inilah akan menentukan keampuhan masyarakat masa hadapan untuk menangani cabaran globalisasi yang lebih rumit dan merbahaya. “Paling utama, prasarana keperluan pendidikan berdasarkan cabaran akan datang”, katanya.

Majlis pengisytiharan berkenaan dilaksanakan dengan pematuhan SOP yang ketat dan disertai oleh ahli-ahli jawatankuasa PIBG sekolah, YB Ust. Ahmad Fathan b. Mahmood, Ahli Dewan Undangan Negeri Chempaka, wakil-wakil agensi, dan wakil dari Pusat Khidmat DUN Panchor.



Perutusan Pengarap

بسم الله الرحمن الرحيم، الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام
على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين، وبعد،

Firman Allah yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman!, Jika kamu bertaqwa kepada Allah, nescaya la mengadakan bagi kamu (petunjuk) yang membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu serta mengampunkan (dos-dosa) kamu. Dan Allah (sememangnya) mempunyai limpah kurnia yang besar".(Al Anfaal:29)

Alhamdulillah, kesyukuran tidak terhingga dirafakkan kepada Allah yang telah memberi peluang sekali lagi untuk bertemu di ruangan ini dalam siri Suara YIK tahun 2022 ini.

Dunia pendidikan yang melalui fasa endemik selepas mengharungi kesukaran sepanjang tempoh Pandemik COVID-19 yang lalu perlu tampil dengan wajah baru mendepani cabaran melalui perancangan pemuliharan pengajaran dan pembelajaran yang lebih komprehensif. Bermula dari menyuntik semangat berterusan kepada anak-anak pelajar, memperkasakan kemahiran guru dalam merentasi sempadan kepelbagaian aplikasi teknologi terkini sehinggalah memantapkan pengurusan sekolah dan kemampuan pentadbiran, yang kesemuanya perlu kepada persempahan yang lebih menarik dan terkini.

Yayasan Islam Kelantan menyedari keperluan-keperluan ini dan sentiasa bergerak ke hadapan membantu guru-guru dengan menyediakan kursus-kursus pengembangan kurikulum, kursus mata pelajaran dan kursus-kursus pembinaan jati diri guru untuk lebih bersedia menghadapi bebanan tugas bagi menampung kelompongan pendidikan di semua peringkat sejak 2 tahun yang lalu.

Usaha-usaha berterusan ke arah penambahbaikan sentiasa dilakukan untuk membantu pengurusan dan pentadbiran YIK dan juga sekolah dengan lebih baik dan berkesan. Antaranya ialah pengagihan wang pengurusan sekolah kepada semua sekolah Yayasan Islam Kelantan pada 20 Januari 2022 sebanyak RM365,000.00.



Selain itu YIK sedang merangka untuk mewujudkan skim tetap dan bercarum untuk mengatasi penghijrah guru secara besar-besaran, skim yang akan diwujudkan ini hampir sama dengan dengan skim tetap dan berpencen kecuali secara bercarum dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Pelaksanaan skim ini diharapkan sekolah-sekolah YIK mampu mengekalkan guru-guru berkemahiran dan terlatih untuk menjadi pemangkin kepada pencapaian cemerlang dalam semua peperiksaan dan bidang-bidang lain termasuk kokurikulum.

Selain itu, saya juga sedang dalam usaha mewujudkan dana pendidikan secara teratur dan konsisten untuk membantu pembangunan dan pengurusan Pendidikan di sekolah-sekolah. Cadangan Wakaf Tunai Pendidikan dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah dikemukakan untuk pertimbangan yang berkenaan. Kita doakan semoga hasrat murni menghidupkan semula semangat berwakaf ini dapat direalisasikan dalam masyarakat dan mengembangkan dana wakaf ini bagi tujuan pembangunan insan ke arah pembentukan generasi bertaqa wa.

Menjadi harapan saya untuk melihat Yayasan Islam Kelantan terus melakar kegemilangan dan menjadi tumpuan masyarakat bukan sahaja di negeri Kelantan malah di seluruh negara dalam mempelopori bidang pendidikan berteraskan tuntutan Islam. Di sinilah komitmen sebenar para guru hingga mampu menaikkan nama dan imej YIK yang akan menjadi sebuah institusi pendidikan Islam yang cemerlang dan direhui Allah S.W.T.

DARI MEJA PENGARANG

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama menyatakan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T yang telah melimpahkan rahmatNya ke seluruh alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar baginda S.A.W pemimpin agung memandu seluruh umat ke arah cahaya kebenaran.

Sekali lagi kita bertemu dalam siaran berkala Suara YIK yang memaparkan program dan aktiviti Yayasan Islam Kelantan dalam tempoh 6 bulan. Edaran ini membolehkan para pembaca mengikuti perkembangan dalam pengurusan institusi pendidikan agama di negeri Kelantan dengan lebih dekat lagi.

Dalam era pasca COVID-19, aktiviti pendidikan termasuk pengajaran dan pembelajaran secara bersempuka semakin kembali pulih, begitu juga dengan program-program pemerkasaan murid dan guru kembali rancak. Fenomena ini merangkumi semua sekolah YIK sebagai suatu

usaha pemuliharan serta pelan jangka pendek untuk pelajar dapat mengikuti kembali topik-topik dan pelajaran yang agak ketinggalan sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dahulu.

Program-program seumpama ini perlu menjadi keutamaan semua warga pendidik untuk menjamin setiap pelajar Yayasan Islam Kelantan mempunyai peluang yang sama dalam pengajaran dan pembelajaran dan mampu bersaing dengan rakan-rakan dari institusi pengajian yang lain.

Kesungguhan dan pengorbanan para pelajar amat diharapkan agar sama-sama berusaha mengatasi segala kesulitan yang dihadapi sewaktu pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dilakukan secara bersemuka.

Sekian - Ketua Editor.

PENAUNG

YM Hj. Engku Rajhan bin Engku Ismail

PENASIHAT

Hj. Shamsul bin Abu Bakar
Hj. Che Kamarudin Kamel bin Che Muhammad
Hj. Mohd Zaki bin Deraman

KETUA EDITOR

Hj. Sukeri bin Hussin

EDITOR

Dr. Hjh. Nasuha binti Musa
Hj. Ahmad Norisham bin Abdul Halim
Hjh. Nafizah binti Abdullah

SUSUN ATUR KANDUNGAN

Nik Ramzi Al-Samadi bin Abd Samad

REKA BENTUK

Md Rikiman bin Yusof

Suara YIK diterbitkan oleh Yayasan Islam Kelantan setiap enam bulan sekali. Ia diedar secara percuma kepada sekolah-sekolah agama di bawah YIK dan jabatan berkaitan yang berurusan dengan YIK. Mana-mana pihak yang ingin mendapat maklumat lanjut atau memberi buah fikiran atau sumbangan berupa rencana bolehlah menghubungi:

Suara YIK
Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan
Peti Surat 248 Jalan Salor-Pasir Mas, Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-712 6933/09-712 8144 Faks: 712 7806
E-mel : yik@kelantan.gov.my

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ
عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمَرْسَلِينَ وَعَلَى أَلَّهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَبَعْدَ،

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan keizinanNya dapat saya mencatat sepatah dua kata di dalam Suara YIK pada kali ini.

Terlebih dahulu saya ingin ucapan syabas dan tahniah kepada Yayasan Islam Kelantan yang berjaya menerbitkan majalah ini bagi mengukuhkan kefahaman dan kesatuan tindakan kita mendepani cabaran pendidikan hari ini.

Umum menyedari bahawa, globalisasi merupakan zaman yang penuh dengan cabaran kerana semua maklumat diperolehi dengan cepat dan tanpa ada sekatan geografi. Kegagalan menghadapi gelombang ini menyebabkan sesebuah masyarakat khususnya umat Islam terus lemah dan mundur. Pendidikan Islam yang berteraskan akidah ketuhanan dan akhlak mulia menjadi sandaran utama dalam menghadapi pengaruh budaya dan ideologi pemikiran Barat. Perubahan zaman yang berlaku ini mendesak supaya pendidikan Islam duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan perkembangan dan kemajuan teknologi masa kini. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri Kelantan melalui Yayasan Islam Kelantan sedar kurikulum pendidikan sepadu yang berteraskan Tauhid perlu diperkasakan dan aspek penyucian jiwa diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran di semua peringkat pengajian.

Dalam mengharungi arus pemodenan, pelbagai dugaan harus diharungi oleh pelapis generasi akan datang. Sehubungan dengan hal itu, didikan dalam beragama perlu diterapkan dalam diri setiap individu agar kelangsungan hidup dapat diteruskan dengan panduan dan pedoman yang kukuh. Individu yang paling hampir dengan masyarakat sekaligus berkaitan dengan pendidikan sudah tentulah individu yang bergelar pendidik. Pendidik yang teguh pendiriannya dengan pegangan agama yang kuat serta kuat imannya pasti dapat menjalin hubungan pendidikan Islam sebagai mekanisme transformasi ummah dalam penguruan pendidikan. Sebagai model kepada masyarakat, pendidikan memainkan peranan yang besar dalam membentuk peribadi ummah. Tanpa jati diri yang tinggi serta kesedaran untuk menyemai transformasi dalam jiwa para pelajar, sudah tentu kejituan agama, bangsa dan ummah tidak akan tercapai. Sesungguhnya kejayaan ini sesekali tidak akan dapat digapai tanpa sokongan pengurusan yang mempunyai visi, misi dan strategi yang berkesan.

Oleh yang demikian, kita semua seharusnya mengutamakan kerjasama dan kesepakatan dalam kalangan penggerak pendidikan kerana ia adalah kunci kecemerlangan pengurusan pentadbiran pendidikan Islam masa kini. Pengetahuan, kemahiran, tenaga dan mentaliti akan mencorakkan sistem pengurusan dan akademik, serta integriti yang tinggi serta kompeten adalah ramuan kita semua menjayakan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan.

Akhir kata, saya menyeru semua pihak termasuk pihak pengurusan dan pentadbiran, pentadbir sekolah, guru, ibubapa, pihak berkepentingan dan agensi swasta dan kerajaan serta NGO untuk sama-sama menjayakan agenda Pendidikan Islam demi melahirkan generasi dan masyarakat Malaysia yang berakhlaq seiring dengan generasi Rabbani pada masa hadapan.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”
“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID 19”
“MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN”

Salam Hormat

Setitis Tinta



YB DATO' DR. HAJI MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan,
Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi
Negeri Kelantan

GURU BAHARU PERLU PERSIAPKAN DIRI MEMBANGUN GENERASI BERILMU

Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong: 13 April - Guru-guru baharu Yayasan Islam Kelantan perlu mempersiapkan diri dengan kemahiran pendidikan bagi melahirkan generasi berilmu. Demikian disarankan oleh YM Pengarah YIK, Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail dalam perasmian penutup Kursus Guru-guru Baharu pada 13 April yang lalu. Menurut beliau, guru-guru YIK memikul cabaran yang besar dalam membentuk pelajar yang berwibawa dan mempunyai keupayaan tinggi dari segi rohani dan intelektual. Peluang berkhidmat di Yayasan Islam Kelantan ini perlu dimanfaatkan sebaik mungkin dan jangan dianggap sebagai tugas sementara, tetapi perlu bersungguh-sungguh menyampaikan ilmu dan pengetahuan. Satu waktu dahulu kita semua adalah pelajar dan hari ini kita kembali ke sekolah sebagai pengajar, oleh itu semua guru perlu memupuk nilai murni dan sentiasa akur dengan peraturan sehingga menjadi model akhlak mulia kepada pelajar-pelajar.

Menurutnya lagi, guru-guru perlu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap tugas ini sebagaimana yang termaktub dalam Manual Pengurusan Sekolah yang diterbitkan pada tahun 2013 dengan pengemaskinian pada tahun 2016. Dalam pada itu, YM Pengarah turut menyentuh berhubung SOP yang seharusnya dipatuhi sepanjang pandemik dan sentiasa berusaha menggunakan kaedah-kaedah baharu PdPR memandangkan generasi guru baharu pada hari ini adalah sebahagian besarnya adalah celik IT. Apa yang penting, guru-guru perlu sentiasa membuat semakan kepada penyertaan pelajar dalam setiap sesi sama ada bersemuka atau secara dalam talian, agar permasalahan yang dihadapi oleh pelajar dapat ditangani dengan cara yang terbaik. Selain itu guru-guru juga perlu menyediakan nota-nota tambahan, soalan-soalan ulang kaji dan latih tubi yang berterusan



khususnya untuk menangani pelajar yang menghadapi masalah gajet dan capaian internet. Begitu juga dengan kelas-kelas yang akan menghadapi peperiksaan awam, guru-guru perlu berusaha menggandakan aktiviti dan program yang dapat membantu serta motivasi berterusan kerana mereka amat bergantung kepada panduan-panduan yang disediakan oleh para guru.

Mengulas isu perjawatan, YM Pengarah bercadang untuk membuat penambahbaikan dalam skim perkhidmatan Yayasan Islam Kelantan, terutamanya untuk mengelakkan daripada penghijrahan beramai-ramai ke Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu dengan mewujudkan skim jawatan tetap secara bercarum KWSP kepada guru-guru yang tidak berpeluang dilantik ke jawatan tetap dan berpencen. Beliau berharap dengan usaha ini dapat mengimbangi jurang mata gaji dan menghargai guru-guru yang tetap setia untuk berkhidmat dengan Yayasan Islam Kelantan.

Kursus secara dalam talian diadakan untuk memberi pendedahan mengenai asas-asas perguruan kepada guru-guru yang baru dilantik sebagai panduan untuk melaksanakan tugas sebagai pendidik yang melibatkan Bahagian Sekolah, Bahagian Akademik dan Bahagian Kenaziran.

Anugerah Pengurusan SPBT Cemerlang Kebangsaan 2020

Hotel Sheraton, Kuala Lumpur - 17 Nov 2021, Maahad Muhammadi Tumpat disenaraikan sebagai penerima Anugerah Pengurusan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) Cemerlang Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2020. Majlis yang diadakan pada 17 November 2021 itu bertujuan mengiktiraf dan menganugerahkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan sekolah di seluruh Malaysia dalam pengurusan SPBT.

Anugerah yang diadakan dua tahun sekali ini terbahagi kepada 5 kategori iaitu, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Sekolah Cina, Sekolah Tamil dan Sekolah Agama Negeri. Pihak Yayasan Islam Kelantan melalui Unit Buku Teks telah mencalonkan Unit SPBT Maahad Muhammadi Tumpat sebagai wakil sekolah bawah pengelolaan Jabatan Agama Islam Negeri berdasarkan prestasi yang telah ditunjukkan.

Pelaksanaan pertandingan Pengurusan SPBT Cemerlang peringkat kebangsaan ini bermula dari bulan September 2020. Pihak juri juga telah melakukan lawatan ke Maahad berkenaan dan berpuas hati dengan prestasi pencapaian pengurusan buku teks. Dengan pengiktirafan ini, Maahad Muhammadi Tumpat berjaya membawa pulang Trofi, Sijil Pengiktirafan dan replika.



Dalam perkembangan yang berkaitan, YM Pengarah YIK, Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail telah menyampaikan anugerah berkenaan kepada pihak sekolah dalam satu majlis yang diadakan pada 9 Disember 2021. Pihak YIK mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pencapaian ini khususnya Penyelia Buku Teks YIK, team SPBT Maahad Muhammadi Tumpat dan seluruh warganya yang telah bekerja keras memantapkan pengurusan SBPT peringkat sekolah.



YIK Agih Sumbangan Wang Pengurusan Sekolah Tahun 2022

Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong: 20 Jan - Yayasan Islam Kelantan mengagihkan sumbangan Wang Pengurusan Sekolah kepada 93 buah sekolah termasuk SABK. Sumbangan Kerajaan Negeri Kelantan bernilai RM365,000.00 itu disampaikan oleh YM Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail, Pengarah Yayasan Islam Kelantan pada 20 Januari 2022. Setiap sekolah menerima antara RM3,000.00 dan RM5,000.00 untuk menampung perbelanjaan pengurusan pelajar dan pentadbiran sekolah. Sumbangan ini juga dapat membantu sekolah-sekolah YIK yang terkesan dengan pandemik COVID-19 lebih setahun yang lalu.

Selain sumbangan wang pengurusan, YIK juga mengagihkan sumbangan zakat pendidikan yang berjumlah RM158,400.00 untuk menggerakkan program

kecemerlangan di sekolah. Setiap sekolah menerima RM1800.00 untuk tujuan berkenaan.

YM Pengarah YIK berharap semua pengetua dapat memanfaatkan sumbangan berkenaan untuk kepentingan sekolah dan pelajar khususnya untuk membantu pelajar memberi fokus kepada peperiksaan yang bakal menjelang tidak lama lagi.

Penyampaian sumbangan wang pengurusan tersebut diadakan dalam Majlis Perasmian Penutup Mesyuarat Agung Tahunan Kelab Sukan Sekolah-sekolah Agama Yayasan Islam Kelantan bil 8/2021 di bilik Gerakan YIK. Hadir sama Timbalan-timbalan Pengarah, Penolong-penolong Pengarah dan Pengetua-pengetua sekolah Yayasan Islam Kelantan.

YIK SANTUNI 91 GURU PASCA PERKHIDMATAN

Kota Bharu: 9 Feb - Yayasan Islam Kelantan menyantuni 91 guru yang telah menamatkan perkhidmatan dalam satu majlis penuh meriah yang berlangsung di Hotel Perdana, Kota Bharu. Majlis Ramah Mesra Pengarah Bersama Alumni YIK ini bertujuan memberi penghargaan kepada jasa dan pengorbanan yang telah dicurahkan kepada institusi pendidikan Islam di bawah Yayasan Islam Kelantan.



Program yang julung-julung kali diadakan dalam sejarah YIK ini melibatkan penyertaan guru dan kakitangan yang telah menamatkan perkhidmatan mulai 1 Januari 2021 sehingga 31 Januari 2022. Sebahagian dari mereka ini meninggalkan perkhidmatan kerana bersara wajib, bersara pilihan, sebab-sebab kesihatan atau pun menceburい bidang dan profesion baharu.

YM Pengarah YIK dalam ucapannya menegaskan bahawa beliau mengambil perhatian khusus untuk meraikan guru-guru serta memberi penghargaan terhadap komitmen yang telah mereka sumbangkan sepanjang berada di bawah bumbung Yayasan Islam Kelantan. YIK juga katanya, cuba menyelesaikan semua bayaran yang berkaitan seperti Gantian Cuti Rehat (GCR) dan Ganjaran Perkhidmatan kepada guru-guru yang tidak berjawatan tetap. Meskipun tanggungan yang besar dengan emolumen bulanan sudah mencecah hampir RM100 juta setahun, kebijakan guru-guru sentiasa diutamakan, ujarnya.

Dalam pada itu, YIK sedang memperhalusi cadangan untuk mewujudkan skim baru yang dinamakan Skim Jawatan Tetap Bercarum. Skim ini pada dasarnya adalah sama dengan skim jawatan tetap sedia ada, kecuali pencen yang digantikan dengan caruman KWSP.

Majlis ini mendapat sambutan amat positif dari semua peserta dan berharap program seumpama ini dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang. Setiap peserta mendapat cenderamata kenang-kenangan dan berpeluang bergambar bersama kumpulan pengurusan Yayasan Islam Kelantan. Rata-rata peserta melahirkan terharu dengan majlis keraian ini dan mengucapkan terima kasih terhadap keprihatinan YIK.



YB Exco Adakan Lawatan Kerja ke MTS al Muhammadi Nipah

Bachok: 16 Feb - Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi Negeri Kelantan YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli b. Dato, Hj. Hassan melakukan lawatan kerja ke Maahad Tahfiz Sains al Muhammadi, Nipah pada 16 Februari 2022. Lawatan ini adalah bertujuan untuk membuat pemantauan lebih dekat berhubung perkembangan pendidikan masa hadapan di sekolah berkenaan.

Maahad Tahfiz Sains al Muhammadi adalah kesinambungan dari tapak Maahad Yaakubiah sebelum ini yang beroperasi sejak 2008. Maahad ini memberi fokus kepada hafazan Al Quran beraliran sains tulen. Walaubagaimanapun maahad ini menghadapi beberapa masalah seperti keluasan tapak dan kedudukan yang berada di tempat rendah digenangi air sewaktu musim hujan.

YM Pengarah dalam ucapan aluannya, berharap cadangan agar pembinaan sekolah baharu diteliti secara lebih serius, kerana melibatkan anggaran kos yang besar. YIK akan membuat kajian terlebih dahulu agar tiada percanggahan berlaku antara hasrat masyarakat setempat dan kepentingan jangka panjang pendidikan.

Beliau juga mengharapkan agar pihak PIBG turut sama mengambil peranan mengumpul dana bagi cadangan sekolah yang lebih selesa. Selain itu setiap projek pembangunan di sekolah perlu mendapatkan pandangan dan kelulusan YIK terlebih dahulu bagi suasana dan susuratur yang lebih kondusif.

Sementara itu YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli dalam ucapannya menyatakan bahawa pihak kerajaan sentiasa memberi perhatian untuk membangunkan aset bernilai ini, sehingga sanggup untuk membelanjakan sejumlah peruntukan kewangan negeri yang besar setiap tahun.



Menurutnya lagi, sekolah-sekolah YIK mempunyai sejarah dan keistimewaan yang tersendiri berbanding dengan institusi pendidikan lain yang perlu dipertahankan sebagai menghargai jasa dan pengorbanan generasi terdahulu.

Tanggungjawab kerajaan adalah melahirkan seramai mungkin ulama pelapis, yang nantinya menjadi frontrunner kepada segala macam penyakit sosial yang merosakkan ummah, ujarnya. Sehubungan itu, usaha kerajaan sentiasa dipergiat untuk menambah baik sistem pendidikan termasuk pelaksanaan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan ke semua peringkat pengajaran.

Hadir sama dalam lawatan singkat ini, YM Pengarah YIK Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail, wakil PIBG Hj. Ibrahim b. Sulong dan Timbalan-timbalan Pengarah YIK.

UNITEN Buka Peluang Lanjut Pelajaran Dalam Bidang Tahfiz



Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong:

18 April - Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) bersedia membuka peluang kepada pelajar-pelajar Yayasan Islam Kelantan untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang pengajian Tahfiz di universiti berkenaan dalam sesi pengajian akan datang. Ini dinyatakan oleh Timbalan Naib Canselornya, Prof Dato' Dr. Salina bt. Daud yang mengadakan kunjungan hormat kepada YM Pengarah Yayasan Islam Kelantan pada 18 April lalu.

Untuk merealisasikan hasrat ini, beliau memohon dari pihak YIK untuk mengadakan beberapa siri pertemuan bersama pentadbir sekolah khususnya kaunselor untuk memberi penjelasan terperinci mengenai kursus-kursus yang sesuai dengan aliran pengajian pelajar-pelajar YIK.

Hasrat universiti adalah untuk melahirkan para huffaz profesional yang akan berada dalam bidang kerjaya yang sebelum ini didominasi oleh bukan aliran agama dan tahfiz.

Pihak YIK membuka ruang kerjasama yang seluas-luasnya untuk membantu lepasan SPM dan STAM bagi memilih bidang pengajian yang sesuai dan laluan kerjaya yang menarik. Semua program bersama akan disusun mengikut kesesuaian masa bergantung kepada persetujuan kedua-dua pihak.

Hadir sama Prof. Madya Dr. Hj. Amanuddin b. Shamsuddin, Pensyarah Kanan UNITEN, Hj. Che Kamarudin Kamel b. Che Muhammad, Timbalan Pengarah Sekolah, Hj. Mohd Zaki b. Deraman Timbalan Pengarah Akademik, dan Hj. Sukeri b. Hussin, Timbalan Pengarah Kenaziran.

Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan Peringkat YIK

Kompleks Pentadbiran YIK : 10 Jan -

Yayasan Islam Kelantan dalam usaha memantap dan mengemaskini pengurusan aset alih kerajaan di semua sekolah-sekolah kelolaannya. Dalam perkembangan berkaitan, satu Kursus Pengurusan Aset Alih buat julung kalinya diadakan pada 10 Januari 2022. Ini adalah rentetan dari pewujudan satu bahagian khusus yang mengendalikan pengurusan aset bagi YIK dan juga sekolah-sekolah. Kursus yang diadakan di Dewan Seminar YIK bermula jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang itu disertai oleh 93 orang Setiausaha Pembangunan sekolah-sekolah YIK seluruh negeri.



Kursus sehari ini memberi pendedahan mengenai cara pengurusan aset harta modal dan aset alih bernilai rendah, merangkumi pengurusan penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan, pemeriksaan, penyelenggaraan, pindahan, pelupusan, kehilangan dan hapus kira. Pengisian program disampaikan oleh penceramah undangan Mr. Lee Han Jeen daripada Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan.

Program ini telah disempurnakan perasmian oleh YM Pengarah Yayasan Islam Kelantan, Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail. Dalam ucapannya, beliau mengharapkan kursus seumpama ini dapat memberi kesedaran dan kefahaman kepada Setiausaha - setiausaha Pembangunan Sekolah tentang kepentingan melaksanakan amalan Pengurusan Aset Alih kerajaan yang sistematik dan mengikut garis panduan yang ditetapkan.

Hakikatnya kursus ini lebih menjurus ke arah memantapkan ilmu, penambahbaikan dan pengemaskinian maklumat sedia ada bagi menepati spesifikasi yang ditetapkan. Kursus ini juga mendedahkan teknik dan cara pengurusan berdasarkan pangkalan data yang lengkap sehingga membolehkan pengesanan dan pemantauan aset diurus dengan lebih cekap. Selain itu, ia dapat mengurangkan pembaziran serta mengelakkan dari kehilangan aset.

Kursus seumpama ini sewajarnya diperluaskan ke peringkat sekolah untuk memastikan manfaat dan pelaksanaan lebih berkesan di pentadbiran sekolah masing-masing. Hadir sama, Penolong Pengarah (Khidmat Pengurusan), Puan Hajah Nur Azah binti Abdul Rahman dan Pegawai Pengurusan Aset, Cik Nur Nikmah Zulfa binti Mat Rasul.

Bengkel Pemantapan Manual Prosedur Kerja YIK



berkenaan kerana tiada senarai yang jelas. Penyelarasang tanggungjawab ini, menurut beliau, mampu melonjak prestasi jabatan ke arah yang lebih cemerlang apabila masing-masing berada pada posisi yang betul untuk melaksanakan tugas dengan lebih berkesan.

Bengkel 3 hari yang bermula 12 Jan 2022 itu diadakan di Tok Aman Bali Beach Resort, Semerak Pasir Puteh dengan penyertaan seramai 24 orang pegawai termasuk YM Pengarah dan Timbalan-timbalan Pengarah Yayasan Islam Kelantan.

Semerak, Pasir Puteh: 14 Jan - Yayasan Islam Kelantan mengadakan bengkel untuk memantapkan pengurusan pentadbiran dengan memperkemaskan tugas semua pegawai dan kakitangan. Bengkel berkenaan melibatkan penyertaan pegawai peringkat pengurusan untuk memperhalusi semua aspek yang berkaitan standard operasi di semua bahagian dan unit. YM Pengarah YIK dalam taklimatnya memberi penekanan kepada kepentingan SOP bagi memudahkan setiap pegawai dan kakitangan melaksanakan tugas mengikut bidang tugas yang telah ditentukan. SOP juga boleh mengelakkan daripada pertindihan tugas atau pun tiada pegawai yang khusus untuk sesuatu tugas. Ini akan membawa kepada saling mengelakkan diri dari memikul tugas

Dalam bengkelyang samaturut ditekankan pengemaskinian myPORTFOLIO sebagaimana arahan yang terkandung dalam Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam PKPA bilangan 4 Tahun 2018 berhubung dengan myPORTFOLIO, Panduan Kerja Sektor Awam yang dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Pengurusan Perancangan Malaysia (MAMPU) pada 12 Julai 2018. Langkah pengemaskinian ini perlu memandangkan Yayasan Islam Kelantan sentiasa mengadakan pembaharuan termasuk mewujudkan beberapa bidang tugas yang baru serta perubahan-perubahan tugas yang berlaku dari masa ke masa.

Pengetua Diseru Tingkatkan Kualiti Pengurusan Sekolah



Kota Bharu: 10 Mac - Pengetua-pengetua sekolah Yayasan Islam Kelantan perlu memantapkan diri menguasai kemahiran dalam pengurusan sekolah bagi melonjak pencapaian dalam bidang akademik dan sahsiah. Pengetua juga menjadi nadi penggerak dalam menentukan maju mundur sesebuah sekolah. Jatuh bangun sesebuah institusi pendidikan amat bergantung kepada corak kepemimpinan dan budaya kerja seseorang pengetua.

Sehubungan dengan itu, setiap pengetua perlu menjadi penghubung dengan masyarakat, rakan sekerja bersama guru, pembimbing dan penasihat kepada pelajar-pelajar.

Demikian dinyatakan oleh YM Pengarah Yayasan Islam Kelantan, Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail dalam satu program bersama pengetua di River View Hotel. Menurutnya lagi, semakan berkala perlu sentiasa dilakukan untuk memastikan pematuhan disiplin guru berada di tahap

yang memuaskan dan pencapaian prestasi kecemerlangan pelajar mencapai target dan sasaran. Selain itu, aspek pengurusan kewangan juga perlu diberi perhatian dengan mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan.

Program "Amanat Pengarah Yayasan Islam Kelantan Sempena Pembukaan Sesi Pengajian 2022/23" ini telah dihadiri oleh Pengetua dan Guru Besar dari semua sekolah YIK termasuk tadika dan sekolah rendah ugama. Semua Bahagian telah menyampaikan taklimat berkaitan dengan Pengurusan Sekolah, Pengurusan Akademik, Pengurusan Pentadbiran dan Penaziran.

Hadir sama, Hj. Shamsul b. Abu Bakar, Timbalan Pengarah Pengurusan, Hj. Che Kamarudin Kamel b. Che Muhammad, Timbalan Pengarah Sekolah, Hj. Mohd Zaki b. Deraman, Timbalan Pengarah Akademik, dan Hj. Sukeri b. Hussin, Timbalan Pengarah Kenaziran.

YM Pengarah Lancar Pertandingan EKSA Antara Zon



Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong: 13 Feb - YM Pengarah Yayasan Islam Kelantan Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail melancarkan pertandingan Ekosistem Konduatif Sektor Awam (EKSA) antara zon pada 13 Februari 2022. Pertandingan ini adalah sebahagian daripada aktiviti Jawatankuasa Promosi untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman terhadap pelaksanaan EKSA dalam persekitaran dan ruang kerja kakitangan. Program ini juga untuk memenuhi keperluan pengauditan EKSA peringkat negeri yang akan diadakan pada 21 Mac 2022.

YM Pengarah dalam ucapannya menyentuh tentang keperluan untuk pelaksanaan EKSA di pejabat YIK adalah sebagai usaha untuk menjadikan ruang kerja dan

susana pejabat yang lebih menarik, ceria dan cantik. Menurutnya, Yayasan Islam Kelantan telah disenaraikan antara jabatan yang sepatutnya telah melaksanakan program ini sejak 2 tahun yang lalu, walau bagaimanapun pihak YIK telah membuat permohonan penangguhan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sehingga perpindahan ke pejabat baharu ini selesai sepenuhnya.

Beliau juga turut mengharapkan agar semua kakitangan dapat memberi kerjasama yang terbaik dan mematuhi aspek-aspek pengauditan yang telah digariskan dalam panduan EKSA untuk membolehkan Yayasan Islam Kelantan dianugerahkan Sijil EKSA dalam pengauditan yang akan dilaksanakan nanti.

Pertandingan ini merangkumi 7 kategori termasuk Ruang Kerja Terbaik, Zon Terbaik, Tandas Terbaik, Bilik Pegawai Terbaik, Sudut EKSA Terbaik, Sudut Go Green Terbaik dan terakhir ialah Kreativiti dan Inovasi Terbaik. Dalam majlis yang sama, taklimat berhubung kaedah penilaian dan pemarkahan juga telah diadakan sebagai panduan. Selain itu, penerangan mengenai aspek-aspek audit juga telah diperincikan bagi memastikan semua pegawai dan kakitangan mematuhi ketetapan persijilan EKSA.

Hadir sama dalam majlis pelancaran berkenaan, Timbalan-timbalan Pengarah, Penolong-penolong Pengarah, Pegawai-pegawai dan kakitangan Yayasan Islam Kelantan.



Dabong: 5 Mac – Kelab Kebajikan dan Sukan Yayasan Islam Kelantan menganjurkan program “Train To Dabong” pada 5 Mac 2022 yang melibat penyertaan seramai 100 peserta dari ahli kelab dan keluarga masing-masing termasuk YM Pengarah, Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail dan isteri. Program yang bermula dengan perjalanan awal pagi dari stesen keretapi Wakaf Bharu dan tiba di Dabong pada jam 11.00 pagi.

Urusetia program telah membuat persiapan rapi dengan mengatur pergerakan kenderaan untuk lawatan tempat-tempat menarik di daerah berkenaan. “Train To Dabong” menjadi semakin menarik perhatian umum setelah dipopularkan oleh YB Menteri Kewangan dalam pembentangan bajet di Dewan Rakyat tahun lalu.

Antara destinasi wajib adalah lawatan ke Gua Ikan dan menikmati panorama indah berlatarkan air terjun Gunong Stong. Inisiatif yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan menjadikan tempat-tempat lawatan ini semakin menarik dengan **landmark** dan papan-papan tanda yang memudahkan pengunjung.

KUNJUNGAN MAHABBAH JAKIM

Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong: 17 Apr – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang diketuai oleh YBhg. Dato' Sirajuddin b. Suhaimee Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) bersama rombongannya telah mengadakan kunjungan mahabbah kepada YM Pengarah Yayasan Islam Kelantan, Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail. Kunjungan yang diadakan pada 17 April 2022 bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim bersempena dengan program yang diurussetiakan oleh JAKIM di Kompleks Islam Panji Pengkalan Chepa Kota Bharu.

Dalam pertemuan berkenaan, pihak JAKIM mengucapkan terima kasih kepada Yayasan Islam Kelantan yang telah menunjukkan kerjasama dalam semua program dan aktiviti anjuran JAKIM untuk sekolah-sekolah agama peringkat kebangsaan. JAKIM juga turut memaklumkan bahawa dalam masa peralihan endemik ini, kegiatan kokurikulum telah diaktifkan kembali dengan cadangan untuk mengadakan Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah Agama Malaysia (KESSUMA) di Pulau Pinang, Mahrajah Memanah Sekolah Menengah Agama di Johor pada 2 hingga 5 Jun 2022, Kejohanan memanah Tradisional di Kuala Lumpur pada 20-21 Oktober 2022, manakala Majlis Ihtifal Ilmi Sekolah-sekolah Menengah Agama Malaysia (MISSMAM) akan diadakan pada 2 hingga 4 September 2022 di negeri Kedah Darul Aman. Selain itu JAKIM turut memaklumkan bahawa jabatan berkenaan sedang dalam tindakan untuk memperkasakan standard pengiktirafan kepada pelajar-pelajar Tahfiz. Pembinaan standard pengiktirafan

Kelab Kebajikan dan Sukan YIK Anjur Program “TRAIN TO DABONG”

Dalam pada itu, pihak WANIS juga mengadakan kunjungan ke sekolah SMU(A) Nurul Ihsan Kandek dalam siri “Program Titipan Kasih YIK dan Cakna Wanis” kali ke 10. Pengurus WANIS, YM Hajah Tengku Sahariah bt. Tuan Hamzah menyampaikan sumbangan RM10,000.00 kepada Pengetua, Ust Mohd Naim b. Abd Ghani mewakili pelajar asnaf sekolah berkenaan. Selain itu, beberapa sumbangan lain turut disampaikan termasuk bakul makanan kepada penerima yang layak dari kalangan penduduk tempatan.

YM Pengarah YIK mengucapkan terima kasih kepada pihak sekolah yang telah meraikan kunjungan WANIS bersama Kelab Kebajikan dan Sukan Yayasan Islam Kelantan pada kali ini dan bersedia untuk memberi perhatian kepada beberapa perkara berbangkit berhubung dengan pengurusan dan pentadbiran sekolah.

Sementara itu, Pengurus Kelab Kebajikan dan Sukan YIK, Tn. Hj. Shamsul b. Abu Bakar mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada semua peserta yang telah memberi kerjasama terbaik dalam menjayakan program pada kali ini. Beliau berharap penyertaan lebih ramai dari ahli kelab dalam program-program akan datang. Turut serta Timbalan-timbalan Pengarah dan Penolong-penolong Pengarah Yayasan Islam Kelantan.



ini juga melibatkan pegawai dan guru-guru dari Yayasan Islam Kelantan. JAKIM juga telah menyediakan peruntukan berjumlah RM140 juta untuk membantu menaik taraf sekolah-sekolah agama yang terjejas dalam bencana banjir baru-baru ini.

Pihak YIK menyambut baik usaha-usaha ini, dan mengharapkan agar JAKIM akan terus memberi perhatian kepada isu-isu pendidikan khususnya peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan menyediakan ruang yang lebih luas serta program-program latihan kepada guru-guru bagi meningkatkan keupayaan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Turut sama dalam rombongan berkenaan, Tuan Haji Roslan Said, Pengarah Kanan Bahagian Dakwah, Mohd Ansarullah b. Mohd Hashim, Pengarah Pendidikan JAKIM, Mohd Anuar b. Abd Rani, Ketua Penolong Pengarah, Mohd Hanafiah b. Ali, Penolong Pengarah Kanan, Hariri Mat Daud, Pegawai Khas TKP(O) dan Dr. Sa'adi b Awang, Penolong Pengarah Kanan.

80 Pelajar YIK Terima Sumbangan Telekom Malaysia Berhad

Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong : 14 Mac - Seramai 80 orang pelajar sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan menerima sumbangan dari Syarikat Telekom Malaysia Berhad. Ini adalah sebagai sebahagian dari sumbangan sosial untuk kebajikan pelajar aliran agama di negeri ini. Majlis penyampaian berkenaan telah disempurnakan oleh YB. Dato' Dr. Mohamed Fadzli b. Dato' Haji Hassan, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi Negeri Kelantan di Kompleks



YIK Menerima Kunjungan Yayasan Islam Pulau Pinang

Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong: 10 Mac - Yayasan Islam Kelantan menerima kunjungan daripada Pengurusan Tertinggi Yayasan Islam Negeri Pulau Pinang dalam rangka lawatan kerja agensi itu ke Negeri Kelantan.

Lawatan yang bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim itu diketuai oleh Pengurus Besar YIPP, En. Mohd Fikri b. Ibrahim, membawa hasrat untuk memanfaatkan pengalaman mengurus institusi pendidikan agama di Yayasan Islam Kelantan kepada yayasan berkenaan. Menurut Mohd Fikri, YIPP yang ditubuhkan pada tahun 2012 masih terlalu muda berbanding dengan YIK, masih banyak perkara yang perlu dipelajari berdasarkan pengalaman. Selain YIK, lawatan juga dilakukan kepada yayasan Islam negeri lain, termasuk Perlis, Kedah dan Terengganu, katanya.

Sementara itu, YM Pengarah YIK Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail mengalu-alukan kunjungan berkenaan dan mengucapkan terima kasih kerana memilih YIK sebagai destinasi lawatan dan mengharapkan hubungan ini akan terus diperkuatkkan lagi pada masa hadapan. YIK sentiasa terbuka berkongsi pengalaman untuk membina ummah yang gemilang di negara ini.

Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan Tunjong. Sumbangan yang digerakkan oleh Badan Kebajikan Islam Telekom Malaysia (BAKIT) ini telah diagihkan RM200.00 kepada setiap pelajar. Pemilihan pelajar asnaf ini dibuat oleh Yayasan Islam Kelantan melalui sekolah masing-masing berdasarkan latar belakang keluarga dan kedudukan ekonomi ibubapa.

Selain itu, Syarikat Telekom Malaysia Berhad melalui BAKIT juga memulakan program rintis anak angkat bagi pelajar aliran tafhib. Pada peringkat permulaan, seramai 5 pelajar angkat ini akan dibiayai dengan sumbangan sebanyak RM1200.00 setahun. Sekiranya tahap pencapaian pelajar memuaskan, pihak Telekom akan mencadangkan nama-nama berkenaan untuk ditaja pengajian mereka sepenuhnya oleh Yayasan Telekom Malaysia sehingga ke peringkat Universiti.

Menurut Pn. Rozainee bt. Muhamad, Pengurus Besar Telekom Malaysia Negeri Kelantan, peluang ini seharusnya dimanfaatkan pelajar dengan sebaik-baiknya dan gandakan usaha untuk menjadi insan yang berjaya suatu hari nanti. "Telekom Malaysia turut sama berbangga dengan kejayaan kamu semua", kata beliau yang juga Pengerusi BAKIT Negeri Kelantan.

Sementara itu, dalam ucapan YB Dato' Exco, memberi penekanan kepada usaha-usaha kerajaan membentuk sahsiah pelajar dan kecemerlangan akademik. Sejarah telah membuktikan bahawa pencapaian pelajar sekolah-sekolah YIK mengatasi pelajar-pelajar lain, sebagaimana kejayaan yang dicapai oleh Nik Madiah bt. Mohamad Kamal dan Siti Fatimah bt. Mohktar.

Beliau juga turut melahir rasa bangga dengan pencapaian anak Kelantan, khususnya dalam teknologi dron sehingga berjaya membuka 35 cawangan di seluruh dunia, selain itu anak-anak Kelantan juga berjaya menguasai bahasa Inggeris dengan baik, dan meneroka negara-negara timur tengah untuk menyambung pengajian dalam bidang perubatan, sehingga lahirnya doktor perubatan yang berjiwa Islam, jurutera, peguam yang mampu menjadi imam dan menyampaikan kuliah agama di masjid. "Inilah yang kita harapkan agar menjadi generasi pelapis yang lebih baik menggantikan generasi yang ada pada hari ini", katanya.

Hadir sama dalam program berkenaan, Tuan Haji Che Kamarudin Kamel b. Che Muhammad, Timbalan Pengarah Sekolah dan Tuan Haji Sukeri b. Hussin, Timbalan Pengarah Kenaziran Yayasan Islam Kelantan.



Program Jaringan Kolaboratif YIK Bersama Fakulti Pendidikan UM

Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong: 20 Mac - Fakulti Pendidikan Universiti Malaya berhasrat untuk menjalin hubungan dengan Yayasan Islam Kelantan melalui Program Jaringan Kolaboratif Fakulti berkenaan dengan Maahad-maahad Yayasan Islam Kelantan. Perkara berkenaan dinyatakan dalam kunjungan YBhg. Prof. Madya Dr. Muhammad Faizal b. Ab. Ghani ke Yayasan Islam Kelantan pada 20 Mac 2022. Jalinan kerjasama ini lebih tertumpu kepada kajian dan penyelidikan yang dibuat oleh pelajar-pelajar Ijazah Kedoktoran (Phd) yang sedang membuat kajian dalam bidang pembangunan pendidikan dan keberkesanannya pengajaran guru. Selain itu, Fakulti Pendidikan ini juga menawarkan kerjasama dalam meningkatkan profesionalisme keguruan di samping meningkatkan keupayaan pengurusan dan pentadbiran sekolah.

Menurut Prof Madya Dr. Faizal, hasil kajian nanti boleh dimanfaatkan oleh pihak pengurusan YIK untuk membuat sebarang penambahbaikan dalam mempertingkatkan kemampuan guru dan memperkasakan pengurusan



sekolah-sekolah di bawah penyeliaan Yayasan Islam Kelantan.

Sementara itu, YIK menyambut baik cadangan berkenaan sebagai memenuhi keperluan latihan dalam perkhidmatan bukan sahaja untuk guru bahkan juga untuk pentadbir. Sebelum ini, kursus-kursus pengukuhan pendidikan dibuat dengan kerjasama Institut Aminudin Baki (IAB), Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Institut Latihan Darul Naim (ILDAN).

Hadir dalam pertemuan tersebut, Timbalan Pengarah Kenaziran, Hj. Sukeri b. Hussin, Penolong Pengarah Perkhidmatan Guru, Hj. Zanarudin b. Yaacob, Penolong Pengarah Kenaziran, Dr. Hajah Nasuha bt. Musa dan Penolong Pengarah HEM, Ustaz Harun b. Ismail.

Perutusan YM Pengarah Sempena Hari Raya Aidil Fitri

Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong: 28 April- Sempena ketibaan 1 Syawal 1443H, YM Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail, Pengarah YIK, telah menyampaikan perutusan khas hari raya untuk seluruh warga Yayasan Islam Kelantan. Semua kakitangan mengenakan pakaian kebangsaan lengkap berbaju melayu, bersongkok dan sampin bagi lelaki manakala kakitangan wanita pula mengenakan pakaian yang sesuai dengan kemeriahannya hari raya. Perutusan secara "live" dalam talian ini dapat diikuti oleh semua guru, kakitangan dan pelajar seluruh negeri Kelantan melalui FB rasmi YIK.



Hj. Engku Rajhan

YM Pengarah dalam perutusannya mengharapkan agar semua warga kerja Yayasan Islam Kelantan dapat menyambut hari lebaran pada kali ini dengan penuh kesyukuran kerana negara berada dalam fasa peralihan endemik yang sudah membentarkan untuk aktiviti berkumpulan dan membuka ruang untuk kunjung mengunjungi antara satu sama lain. Beliau juga memberi penekanan untuk meneruskan semangat Ramadan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai penjawat awam. Antaranya ialah menepati masa, berdisiplin dan sentiasa meningkatkan usaha untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang. Sekiranya amalan-amalan ini dapat diteruskan selepas berlalunya Ramadan, banyak isu-isu berbangkit dapat diselesaikan tanpa melibatkan penguatkuasaan peraturan yang ketat.



AUDITAN BERFOKUS KENAZIRAN: PENTADBIR SEKOLAH PERLU TINGKATKAN PEMANTAUAN BERKALA

Kompleks Pentadbiran YIK Tunjong: 2 Ogos - Pentadbir sekolah perlu melaksanakan pemantauan dan semakan berkala serta merekodkan semakan semua tugas guru dan kakitangan sekolah sebagai eviden dan panduan untuk tindakan yang wajar dalam menangani isu-isu urus tadbir, kurikulum, hal ehwal murid mahu pun ko-kurikulum.

Perkara ini dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kenaziran YIK Bil. 3/2022 yang dibentangkan oleh Jemaah Nazir Yayasan Islam Kelantan melalui laporan Pengauditan Berfokus. Pengauditan yang dilakukan pada bulan Mei dan Jun 2022 melibatkan lima buah sekolah iaitu SMU(A) Hamidiah, Padang Lepai, SMU(A) Muhammadiyah, Beris Panchor, Pusat Pengajian Pondok, SMU(A) Bustanus Saadah, Morak dan SMU(A) Taqaddum Ilmi, Ketereh.

Tujuan pengauditan dilaksanakan adalah bagi memastikan pihak pentadbiran sekolah sentiasa mematuhi arahan dan pekeliling YIK, melaksanakan penyeliaan tugas guru dan kaki tangan dan mendokumentasikan gerak kerja selain memastikan amalan tadbir urus yang profesional dalam kalangan pentadbir sekolah YIK.

Dalam semakan itu juga pihak pentadbir perlu meningkatkan usaha melaksanakan amalan-amalan yang perlu ditambah baik bagi semua item yang diaudit secara keseluruhan adalah termasuk; semakan pentadbir secara berkala, dokumentasi semakan pentadbir, teguran / bimbingan pentadbir kepada guru yang bermasalah serta tindakan terhadap guru yang ingkar arahan.

Selain itu, penambahbaikan terhadap semua item yang ditegur oleh Jemaah Nazir khasnya dan pengurusan aspek lain amnya hendaklah dilakukan segera secara serius supaya ruang-ruang kesilapan dalam pengurusan boleh diminimakan.

Penyesuaian tindakan terhadap kekhilafan guru dan kakitangan sekolah berkaitan tugas dan tanggungjawab adalah juga merupakan satu tindakan yang perlu diambil secara tuntas berdasarkan semakan dan pemantauan yang dilaksanakan bagi mempertingkat kelestarian pendidikan sekaligus mengelakkan penularan budaya-budaya negatif di sekolah.

Pengauditan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam di YIK

Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong:

22 Mac - Pasukan Audit Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) telah melakukan pengauditan pematuhan pelaksanaan EKSA di Yayasan Islam Kelantan dalam rangka memastikan semua agensi negeri mempraktikkan amalan baik dalam penyampaian perkhidmatan secara menyeluruh di negeri ini. Pasukan yang diketuai oleh Ketua Juruaudit EKSA Pejabat SUK Kelantan, Puan Nurul Ayuni binti Mohd Jaffar bersama 16 orang juruaudit EKSA telah membuat pemeriksaan mengikut zon, iaitu Zon Ta'lim, Zon Tadris dan Zon Ta'dib.



Pemeriksaan yang bermula 9.00 pagi dengan pembentangan pelaksanaan EKSA kemudiannya dipecahkan kepada 3 pasukan diiringi oleh setiausaha-setiausaha zon dan PIC bertugas. Memandangkan ruang pemeriksaan yang luas dan mempunyai beberapa blok bangunan 3 tingkat, sesi penutupan berakhir hampir jam 4.00 petang. Sepanjang pemeriksaan berkenaan, pihak auditor mengucapkan



tahniah kepada seluruh kakitangan YIK yang telah melakukan inovasi dalam beberapa amalan baik untuk kemudahan, kecerianan dan keselamatan tempat kerja. Usaha-usaha mengindahkan suasana juga telah diambil melalui beberapa pendekatan samada di ruang kerja maupun di kawasan persekitaran luar.

Walau bagaimanapun pelaksanaan EKSA YIK perlu kepada beberapa penambahbaikan bagi memenuhi keperluan penuh EKSA. Antaranya pihak YIK perlu menyediakan ruang simpanan khusus bagi peralatan pembersihan dan penyelenggaraan, begitu juga dengan penyediaan unsur-unsur '*delighting the costumer*'. Manakala penyediaan visi, misi dan moto perlu menepati imej korporat .

Secara umum EKSA YIK sudah berada di landasan yang betul dan telah diberi tempoh penambahan untuk layak dipersijilkan oleh pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Sementara itu dalam sesi penggulungan, Hj. Shamsul b. Abu Bakar, Timbalan Pengarah Pengurusan YIK merakamkan ucapan terima kasih atas pengauditan ini, dan langkah segera akan di ambil untuk membuat penambahbaikan sebagaimana teguran melalui penemuan-penemuan audit pada kali ini. Beliau berharap semua teguran itu akan dapat diselesaikan dalam tempoh terdekat.

SPM English Speaking Test

On 22-24 February 2022, English Speaking Test (Ujian Bertutur Bahasa Inggeris) was held which involved all Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 candidates throughout Malaysia. The assessment uses the latest format and it is the first time it has been implemented to replace the previous School-Based Oral Test (ULBS).

The speaking test (1119/3) is taken by all form 5 students and constitutes 25% of their overall candidate grade (the other papers, namely Reading and Uses of English (1119/1), Writing (1119/2) and Listening (1119/4) which also worth 25% each). The SPM Speaking Test is a paired format in which 2 candidates take the test together. There are two examiners present during the test: the interlocutor and the assessor who mark the test during the session. The Speaking Test has three sections; all aimed, at the A2 – C1 CEFR range, with a variety of tasks to elicit different types of spoken language. The duration of the test is approximately 13 minutes.

The Examination and Assessment Unit of each school has been given the responsibility to download all documents related to equipment requirements, test room preparation and time schedule for each session according to the candidate's turn number. Next, the Examination Unit also discussed the location of the appropriate test rooms to avoid any disruption. This is because, on that date, Sijil



Menengah Ugama (SMU) and the End of Year Examination for lower secondary students were underway. During the 3 days of the assessment, no untoward technical problems occurred, the process went smoothly. In the meantime, the cooperation given by all parties was very satisfactory and students could pay full attention and focus when entering the test room.

Overall, all parties have cooperated well to ensure that this Assessment runs successfully. In the meantime, the Kelantan Islamic Foundation (YIK) and school administrators have also provided moral support and motivation to the candidates. Nonetheless, there are a few suggestions for improvement that can be considered in the future such as giving clearer instructions to the examination secretary on the scope of duties to avoid any duplication and confusion among the examination secretaries and classroom assessment secretaries.

سینز ڦریقسان دایرا کوٽید-19



کفهن فرگرقن دان برسموک دسپیکن کوفید-19، روڤاش ممباؤا کفه مونچولن بکیتو باپق اختیار دان اینیسیاتیف يع دفرکتیکن اولیه مشارکت اوتنوق مغهادقیش. بیدع کوریکولوم توروت منعمتی قلباكای ۋەنموان دان اكسیس اوتنوق ممستیکن ۋەرسیس ۋەقاچرن دان ۋېبلاجرن تىدق ترگندالا. سبلىوم این سبارغ سەمینر دان بىشكىل تىكىنيڭ منجواب سوءالن ۋەرقىساعەن ھاش دلقسانكىن سچارا برسموک. كىنى قلباكای چارا دان سالۇرن دكۇناكىن اوتنوق ملقساناڭىش. منقىتى اروس تىكتۈلۈكى يع برمونچولن ایکورىن كىفەن ۋەھوبۇشۇن دان فرگرقن این، اونىتى کوریکولوم ياياسىن اسلام كىلتەن مغۇرق لەتكە بىرجالان سايرىيغ اروس ۋەركىمېقىن ترسىبوت. برمولا تاهون لەس 2021 دەن ھاش سەمینر اتس تالىن (online) سىچىل تىچىكى اۆكام ملىسيما (STAM)، قىد تاهون اين سەمینر بىرگەن دەرىلواسكىن كىفە سەمینر ۋەرقىساعەن سىچىل منقە اوکام (SMU)، سىچىل منقە اوکام دىنىي (SMU DINI) دان سىچىل ۋەلاچرن ملىسيما (SPM). سەمینر ۲ بىرگەن داداڭىن انتارا 16 جنوارى ھېڭ 14 فيبروارى 2022.

سباکای قنمبهاءيقين، قد تاهون اين، سيمينر تيدق هان سچارا اتس تالين، تنافي جولك توروت دجايakan دغун كحاضيرن سچارا برسموك 5 اورع فلاجر دري سكوله 2 ترقيليه برسام فنچرامه اوندغون. فلاجر 2 ترلييت اداله دري معهد محمدی للاكي، معهد محمدی فرمقوان، معهد ساعين س توق گورو، SMU(A) العلوم دان (SMU)اليونسية. سيمينر 2 بركتاءن دسياركن سچارا لقسوغ دري كومقليلك س فنتديرين ياياسن اسلام كلتنن يغ مليتكن بيليق سيارن اونيت حال إحوال موريده (HEM) دان بيليق مشوارت اكاديميك. دغун چارا اين، فلاجر د لوار سان بوكن سهامج بوليه مندغur چرامه سچارا ساتو هالا دري فنچرامه، سباليقن مريله مغيكتوي اينتركتسي انترا فنچرامه دان فلاجر يغ حاضير برسموك، سلاءين بوليه معموكاكن سوءالن يغ دباچاكن ملالوئي Facebook اوليه فلاجر 2 يغ حاضير. فنچرامه اكن منجواب سچارا لقسوغ فرسوالن يغ دكموكاكن. سيارن بركتاءن بوليه دايكوتى ملالوئي PdP SMU YIK: PdP STAM YIK PdP SPM YIK PdP SMU DINI YIK Facebook.

قلاجرن يغ ترلييت. قنجرامه اوندغن جولك توروت دجمقوت دري لوار كلنتن، خصوصن اونتوق سيمينز STAM دسمقايانک اوليه استاده سوفيناز بنت داتوه شيخ ابو بكر، كتوا فنلولوغ قغاره اونيت فجاجين اسلام لنجوتن لمباڭ فقريقياءن مليسيا. قروسيس قجاجرن دان قمبلاجرن اكن تروس ترلقسان والاو دغун اف چارا سكاليڤون. يغ فنتيغ اداله پيرتاون يغ سيريوس دري سموا فيهق يغ ترلييت سام اد كورو ما هوڤون قلاجر اکر متلامت کاره کچمرلڤن قلاحر اكن ترجاھاي.

رمضان شهر عظيم مبارك

والإفطار وفيه تلاوة القرآن والتدارس والتدبر والتفسير والتوصية والإفطار جماعيا مع عاملي المؤسسة الإسلامية من الموظفين والمديرين وكبير الوزراء لحكومة كلنتن ورئيس لجنة تنمية الإنسان والتربيه والتعليم العالي والعلوم والتكنولوجيا لولاية كلنتن والضيوف الكرام من المفتي الكلنتاني والملحق الديني بالسفارة السعودية.

لقد مرت أيام رمضان وودعت كل من فيه ومعه بشارات فرحة عيد الفطر ، واحتفل به المسلمين شاكرين مسرورين على عودتهم إلى الفطرة الإسلامية التي فطر الله الناس عليها.

وانطلاقا من هذه المناسبة السعيدة أقامت المؤسسة الإسلامية بكلنتن برنامج فرحة العيد في 22 من مايو 2022 شارك فيه الموظفون والعاملون بالمؤسسة، وشرفهم سعادة داتؤ بنتارا كانن كبير الوزراء بكلنتن الذي قد تفضل بالحضور إلى هذه الحفلة السعيدة ومعه عضو المجلس الاستشاري لحكومة ولاية كلنتن وهو داتؤ دكتور محمد فضلي بن الحاج حسن



أهلا يا رمضان ، رمضان كريم وشهر عظيم وشهر القرآن الذي فيه أمر حكيم يدبر به شأن الدنيا السليم على صراط مستقيم، صراط أقصاه النعيم وهو الفوز العظيم. لقد جاء رمضان بكنوز البركات الضخمة وعبادة الصيام والقيام الجليلة من عند الله؛ حتى يقول الخالق المعبود أن الصوم لي فأجزي به عبادي وهو كلام مخصص يدل على خواص الخواص وكرامة الصيام.

وقد اغتنمت المؤسسة الإسلامية بكلنتن هذه الفرصة الثمينة في رمضان فقامت بإجراء النشاطات التعبدية ساعية للبركات والمضاعفات من الأجر في رمضان.

وقد قدمت يوميا جلسة علمية تسمى " التذكرة" بعد صلاة الظهر تذكر فيها عن الأمور الدافعة إلى إصلاح القلب والجسد والروح والفكر والأدب وفقا لما فيه من سلوكيات مؤمنة ربانية وعسى أن تكون عاملين ربانيين وكما اغتنمت أيضا المؤسسة الإسلامية بكلنتن بهذا الحظ العظيم الرمضاني بإقامة البرنامج التعبدى المسمى بجلسة التدارس



Kepentingan Nilai Akhlak Dalam PdP di Sekolah Yayasan Islam Kelantan

Oleh : Dr. Nik Abd Rahman Nik Yaacob

Akhlik adalah satu perkara penting dalam kehidupan seorang muslim. Sekiranya seorang guru berakhlik mulia maka akan mudahnya dia mendidik muridnya untuk berkelakuan baik. Ibnu Miskawaih mentafsirkan akhlak sebagai satu tindakan hasil gerak hati tanpa memerlukan seseorang berfikir, sama ada melalui tabiat semula jadi atau melalui latihan dan kebiasaan. Ringkasnya akhlak itu ialah kehendak jiwa yang dizahirkan melalui perbuatan seseorang dan ditambah ilmu yang baik.

Sebagai guru Yayasan Islam Kelantan maka guru haruslah melipatgandakan usaha bagi menonjolkan Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan bersaling kait dengan ilmu yang lain. Ini adalah selaras dengan peranan ta'dib (membentuk akhlak) guru yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Yayasan Islam Kelantan. Guru yang berakhlik ini lebih mudah membentuk murid-muridnya, agar berlaku peningkatan kecerdasan spiritual yang akan menjamin masa depan yang lebih baik di dunia dan di akhirat.

Imam Al-Ghazali menyarankan agar guru memiliki sifat kasih sayang dan menyayangi murid seperti anaknya sendiri. Selain itu, mengikut Imam Al-Ghazali, guru juga haruslah mengajar ikhlas semata-mata mencari keredaan Allah agar terbentuk akhlak yang mantap dalam dirinya.

Seterusnya imam al-Ghazali menasihati guru supaya sentiasa memberi nasihat kepada pelajar dengan kata-kata yang baik. Sekiranya pelajar melakukan kesalahan maka teguran hendaklah diberi dengan kata-kata yang mudah difahami dan disenangi.

Imam al-ghazali juga meminta supaya guru memberi perhatian kepada pelajar-pelajar yang lemah kerana mereka juga memerlukan bimbingan dan perhatian daripada guru-guru.

Bagi guru-guru yang mengajar mata pelajaran akhlak di sekolah Yayasan Islam Kelantan Mereka haruslah mengajar dengan bersungguh-sungguh dan tidak melakukannya sambil lewa. Walaupun dilihat mata pelajaran akhlak itu adalah mudah tetapi impak daripadanya adalah sangat besar. Ini kerana mereka telah berada di lapangan yang sebenar iaitu mendidik akhlak para pelajar agar menjadi insan yang mulia. Jangan kerana sukatan yang kelihatan kecil maka kita kehilangan ganjaran pahala yang besar daripada Allah subhanahu wa Ta'ala.

Dalam kaedah pendidikan Islam, kaedah pengajaran yang terbaik ialah hubungan antara murid dengan guru. Kaedah ini menekankan konsep murabbi iaitu guru sebagai tumpuan untuk pelajar mendapat ilmu dan juga didikan. Apabila guru menjadi sebagai subjek maka mereka haruslah memiliki akhlak yang mulia kerana menjadi tumpuan perhatian pelajar. Sekiranya guru ini menggunakan kaedah pemudahcara maka, jangan sekali-kali meninggalkan peranannya sebagai



murabbi. Tidak sewajarnya membiarkan pelajar mencari ilmu secara bersendirian tetapi haruslah sentiasa memberi nasihat dan tunjuk ajar agar terbentuknya akhlak dalam diri pelajar.

Selain daripada itu guru harus berakhlik mulia kerana mereka menjadi qudwah hasanah atau *role model* yang terbaik kepada pelajarnya. Guru yang berakhlik mulia juga adalah selaras dengan tugas yang diamanahkan kepadanya. Sekiranya guru mementingkan peranan akhlak di dalam PdPnya maka lahirlah pelajar yang bukan hanya sentiasa taat kepada guru, malah taat kepada ibu bapa dan yang lebih utama taat perintah Allah dan Rasul.

Ilmu itu bukan hanya untuk diajar, kemudian pelajar menjadi pandai tetapi ilmu itu harus diberi panduan dengan akhlak yang mulia agar pelajar menjadi pandai dan membentuk insan yang mulia. Ini adalah selaras dengan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) dan hasrat Yayasan Islam Kelantan untuk melahirkan bukan hanya pelajar yang pandai tetapi mampu memberi sumbangan kepada masyarakat dan didasari dengan keindahan akhlak dalam dirinya.



Sebagai kesimpulan kita hidup di atas dunia ini tidak lama oleh itu carilah bekalan sebaik-baiknya untuk kita kembali ke sana. Tugas guru yang utama ialah mendidik dan memberi ilmu kepada pelajar, maka besarlah pahala mereka sekiranya mereka berjaya mendidik pelajar menjadi insan yang berakhlik mulia. Akhlak yang mulia itu adalah seumpama wangian yang harum semerbak yang boleh jadikan seseorang sebagai insan yang soleh seterusnya menyerap ilmu yang diterima menjadi ilmu yang berguna.

Graduasi Tahfiz 2020

RAI 193 HUFFAZ

Hotel Grand Renai, Kota Bharu: 23 Disember, Seramai 193 pelajar yang menamatkan hafazan 30 juzuk al Quran telah diraikan Majlis Graduasi Tahfiz bagi tahun 2020 di Hotel Grand Renai, Kota Bharu.

Para huffaz ini terdiri dari 45 orang pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong, 21 pelajar dari Maahad Tahfiz Al-Quran Banggol Chicha Pasir Mas, 55 pelajar dari Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah, 5 pelajar dari Maahad Tahfiz Sains Bustanul Arifin, 38 pelajar dari Kolej Tahfiz Sains Nurul Aman Kok Lanas, Kota Bharu 4 pelajar dari Maahad Tahfiz Sains Al Muhammadi Nipah, Bachok, 11 pelajar dari SMU(A) Tarbiah Diniah Tahfiz Bunut Sarang Burung, Tumpat, 12 pelajar dari SMU(A) Al Kauthar Peringat, Kota Bharu dan 2 pelajar dari Maahad Tahfiz Al-Quran Darul Saadah Lil Banat Beta Hulu, Kota Bharu.

Majlis graduasi kali ke 11 ini telah disempurnakan perasmian oleh YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Dato' Haji Ahmad b. Yakob, Menteri Besar Kelantan. Majlis yang diadakan secara tertutup dengan pematuhan SOP yang ketat dihadiri oleh 600 orang termasuk pelajar dan ibubapa.

Dalam ucapannya, YAB Dato' menaruh harapan yang besar kepada generasi muda untuk menghidupkan al Quran dalam negeri yang tercinta ini dan menjadi penerus kepada penjunjung al Quran pada masa hadapan. Benih yang ditanam pada hari ini pasti akan berkembang subur di tanah serendah sekebun bunga ini, ujarnya.

Acara tahunan yang tertunda ini pada lazimnya diadakan pada setiap awal tahun, namun akibat pandemik yang melanda, program anugerah 2020 ini ditunda kepada tahun 2021.

YAB Dato' Bentara Kanan Menteri Besar diberi penghormatan mengetui perarakan akademik bersama YB Dato' Timbalan Menteri Besar, YB Dato' Exco Pendidikan, Ahli-ahli Lembaga, Pengetua-pengetua Tahfiz serta Pegawai-pegawai Yayasan Islam Kelantan.



Akademi YIK Sumbang RM50,000.00 Kepada Akaun Amanah Tabung Pendidikan Negeri Kelantan



Sumbangan: YM Engku Rajhan b. Engku Ismail, Pengarah YIK merangkap Pengarah Eksekutif Akademi YIK menyampaikan sumbangan kepada YAB. Dato' Bentara Kanan Menteri Besar.

Kota Bharu: 28 Dis, Akademi YIK Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Yayasan Islam Kelantan telah menyampaikan sumbangan sebanyak RM50 ribu kepada Akaun Amanah Tabung Pendidikan Negeri Kelantan.

Sumbangan berkenaan disampaikan kepada YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Ahmad b. Yakob, Menteri Besar Kelantan bagi pihak Tabung Pendidikan.

Akademi YIK yang melaksanakan projek-projek hartanah berskala sederhana dan perniagaan borong dan runcit telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan.

Setelah berjaya menguruskan stesen bahan api dengan kerjasama BHPetrol di Tunjong 2 tahun yang lalu, syarikat ini sedang dalam usaha menjalin kerjasama strategik dengan syarikat Subway. Proses pembinaan restoran telah pun selesai dan dijangka beroperasi dalam tempoh masa terdekat.

YM Engku Rajhan b. Engku Ismail selaku Pengarah Eksekutif Akademi YIK Sdn Bhd, berharap sumbangan untuk Tabung Kebajikan ini dapat dipertingkatkan pada tahun-tahun akan datang seiring dengan perancangan-perancangan perniagaan yang lebih berdaya maju dan mampu menjana keuntungan yang lebih baik.